

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**SOALAN NO. 351**

**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kriteria yang diambil kira dan diberi keutamaan untuk menilai sekolah-sekolah daif di kawasan luar bandar bagi melayakkan mereka untuk tersenarai sebagai sekolah-sekolah yang akan menerima peruntukan untuk penambahbaikan kemudahan asas.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pembangunan semula sekolah daif untuk pelaksanaan pada tahun 2019 telah ditambah baik dari aspek penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan dan skop pembinaan termasuk rumah guru dan makmal. Sebanyak tujuh (7) skala impak telah dimuktamadkan. Berdasarkan skala impak ini, KPM membuat analisis skor bagi menentukan sekolah yang perlu ditambah baik.

Pada tahun 2019, sekolah daif yang dikenal pasti berada di skala impak 6 dan 7 diberi keutamaan untuk dinaik taraf dan kedua-dua skala tersebut berfokus kepada keselamatan. Maklumat lanjut mengenai skala tersebut adalah sebagaimana yang berikut:

1. **SKALA 6 – Keselamatan (Safety)**

Keadaan fizikal komponen/fasiliti/bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan **tidak selamat** digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/bahaya berbentuk kecederaan/kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau hidupan **yang telah mendapat pengesahan daripada teknikal yang berada di Jabatan Pendidikan Negeri / Pejabat Pendidikan Daerah.**

2. **SKALA 7 – Keselamatan (Safety)**

Keadaan fizikal komponen/fasiliti/bangunan yang tidak sempurna, tidak berfungsi dan **tidak selamat** digunakan yang boleh mendatangkan ancaman/bahaya berbentuk kecederaan/kecelakaan atau kehilangan nyawa manusia atau hidupan **yang telah mendapat pengesahan tidak selamat dan mengancam nyawa daripada Jabatan Kerja Raya.**

Bagi Parlimen Merbok, pembangunan sekolah daif dijalankan secara berpakej yang melibatkan tiga (3) buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM12.7juta. Sekolah yang terlibat dalam Projek Pembangunan Semula Sekolah Daif ialah:

1. SK Batu Hampar
2. SK Haji Omar Tahir
3. SK Ibrahim.